

14 MAC 2018

## Hampir dilibas pedang samurai

SINAR HARIAN • RABU 14 MAC 2018 39

**SETEMPAT**

# Hampir dilibas pedang samurai



**Penagih dadah agresif ketika cuba ditangkap**

SITI SAFA MOHD NOR  
SERI MANJUNG

**P**egawai dan anggota Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Manjung hampir dilibas dengan pedang samurai oleh seorang suspek dipercayai penagih dadah dalam serbuan di sebuah rumah di Simpang Dua, Sitiawan, di sini, semalam.

Namun begitu, hasil kecekapan empat anggota dan pegawai berkenaan, suspek berusia 35 tahun itu berjaya ditangkap.

Pegawai AADK Daerah Manjung Sharudin Abdul Salam berkata, dalam serbuan yang dibuat pada jam 7 pagi itu, suspek yang bekerja sebagai juruteknik penyaman udara itu sedang tidur dan tiba-tiba bertindak agresif apabila anggota AADK cuba menahannya.

Menurutnya, suspek dilihat tidur bersama beberapa bilah senjata tajam seperti pedang samurai, pisau rambo dan pisau dapur biasa.

"Apabila anggota kita cuba menangkapnya, suspek mahu membuka sarung pedang samurai dipercayai untuk melibas anggota bertugas namun tidak sempat apabila gerak geri suspek dapat dibaca oleh anggota terlibat.

"Suspek berjaya ditangkap tanpa ada sesiapa yang mengalami kecederaan," katanya.

Katanya, suspek adalah penagih tegar yang sudah terlibat dengan aktiviti penagihan dadah sejak lebih kurang 10 tahun lalu.

"Tangkapan ini dibuat berdasarkan aduan orang awam dan juga risikan pihak kami.

**info** • Suspek tidur bersama senjata tajam

"Dalam serbuan ini kami turut merampas senjata tajam berkenaan yang dikatakan disimpan sebagai hobi," katanya.

Sharudin berkata, pihaknya juga turut menahan seorang lagi suspek yang terlibat dengan penagihan dadah di Kampung Deralik pada jam 8 pagi.

"Selepas operasi di Simpang Dua selesai kami berjaya menahan seorang lagi suspek di Kampung Deralik melibatkan seorang remaja berusia 17 tahun.

"Remaja ini dikatakan baru berjinak-jinak dalam aktiviti penagihan dadah," katanya.

Katanya, hasil ujian air kencing mendapati kedua-dua suspek positif dadah jenis metamfetamin.

"Kedua-dua mereka akan disiasat mengikut Seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah 1983," katanya.

Penagih dadah yang cuba mencederakan anggota dan pegawai AADK ketika cuba ditangkap.